

06/06/1998

Pemuda Umno anjur sidang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan mengadakan Persidangan Pemimpin Pemuda Negara Asia Timur penghujung tahun ini, bagi membincangkan masalah kegawatan ekonomi.

Pengerusinya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata persidangan itu membolehkan pemimpin politik dari negara terbabit berinteraksi dan berkongsi pengalaman serta mencari kaedah bagaimana dapat membantu negara masing-masing keluar daripada belenggu kegawatan ekonomi.

Menurutnya, pada masa yang sama pihaknya akan menjemput beberapa pemimpin negara jiran untuk bersama berbincang dan berdepan dengan peserta terbabit.

"Saya melihat kegawatan ekonomi sekarang sebagai satu peluang keemasan untuk mempertingkatkan lagi hubungan antara pemimpin dari negara terbabit," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan mesyuarat dengan ahli majlis itu di pejabatnya dekat sini, hari ini.

Persidangan itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala majlis penutup akan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, Pemuda Umno akan mengusulkan cadangan kepada Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi untuk menjemput pemimpin dalam komponen Barisan Nasional menyertai persidangan itu.

(END)